

Hebat kokurikulum seiring akademik

BERITA HARIAN
31/5/2018 p. v. 31

← Dari V29

Prof Aini berkata, kepentingan untuk mahasiswa mendapatkan pencapaian cemerlang sama ada dari segi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) mahupun kokurikulum bagi memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan bersesuaian dengan kelayakan.

Beliau berkata, majikan kebiasaannya akan mempertimbangkan pencapaian akademik bagi melayakkan graduan disenaraikan sebagai calon awal yang bakal ditemu duga, namun prestasi baik kokurikulum menjadi bonus untuk meyakinkan majikan bahawa graduan terbabit memiliki sahlah terpuji.

“Anugerah atau prestasi dimiliki ini menjadi bukti bahawa mereka adalah graduan yang kompetitif, mempunyai kelebihan berbanding graduan lain dan memiliki portfolio kukuh untuk dilihat sebagai individu berdaya saing,” katanya.

Profesor di Fakulti Keju-

ruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah, berkata anugerah diperoleh pelajar meletakkan mereka dalam kelompok graduan yang memiliki nilai tambah, seterusnya mampu menghasilkan idea atau inovasi berasaskan pengetahuan tinggi apabila menceburi sektor pekerjaan.

Pada masa kini, katanya, pemegang ijazah sarjana muda sudah terlalu ramai, justeru pencapaian mereka memperoleh anugerah dan prestasi cemerlang menjadikan mereka berbeza daripada aspek ilmu pengetahuan, kemahiran diri dan peluang menonjol dalam pekerjaan atau perniagaan dilakukan.

Prof Riza Atiq berkata, selain pelajar, pensyarah juga perlu memainkan peranan untuk memberi kesedaran kepada pelajar berhubung kepentingan memiliki pencapaian akademik serta kokurikulum ketika di universiti.

“Pelajar perlu diterapkan dengan kesedaran sejauh



Prof Riza Atiq Abdullah



Prof Wahid

mana pencapaian diperoleh boleh menjadikan mereka manusia hebat pada masa depan, berdaya saing dan memiliki tahap yang membuat mereka di pandang tinggi.

“Bagi mendapatkan pengiktirafan dan menjadi graduan cemerlang, pelajar bukan saya perlu memberi tumpuan kepada pelajaran dan aktif dalam kokurikulum, tetapi juga memupuk nilai positif melalui pergaulan secara sihat,” katanya.

Peluang menyerlah

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Wahid Omar, berkata masalah sering dihadapi pelajar kurang menyerlah atau tidak memperoleh anugerah kecemerlangan bukan disebabkan mereka tidak menyedari kepentingan aspek terbabit, tetapi kurang berusaha.

Beliau berkata, setiap pelajar memiliki keupayaan dan peluang besar untuk menyerlah dalam akademik serta kokurikulum, sekali

gus menggenggam anugerah kecemerlangan, asalkan memiliki azam yang disusuli usaha bersungguh-sungguh.

Katanya, sebagai individu, tiada siapa yang mahu berada di bawah dan sentiasa mahu menggapai kejayaan, namun dalam konteks pelajar mereka perlu sentiasa berusaha menonjolkan diri, memberi komitmen tinggi dan memperbaiki kelemahan.

“Di UTM, kita memperkenalkan begitu banyak anugerah sama ada membabitkan pelajar dalam akademik atau kokurikulum bagi menggalakkan mereka untuk terus berjaya.

“Pihak UTM juga sentiasa mendorong pelajar untuk mendapatkan pengiktirafan dalam bidang inovasi sebanyak mungkin, sama ada menyediakan anugerah untuk aktiviti dalam kampus atau membantu mengetengahkan produk pelajar kami ke pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.



Prof Aini